

09/07/1997

Pembangunan Malaysia beri kejutan

PELAJAR asing yang mengikuti pembelajaran bahasa Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bangga kerana berpeluang mempelajari bahasa itu daripada sumber sebenar, walaupun gambaran buruk diberikan kepada Malaysia.

Sebastien Lemarquis, 24, berkata, beliau pada mulanya diberi gambaran Malaysia tidak begitu membangun tetapi terkejut apabila menyaksikan sendiri pembangunan di negara ini.

"Kemajuan Malaysia memikat hati dan saya berazam mempelajari bahasa Melayu lebih baik, jika boleh bekerja dan tinggal di sini," katanya.

Beliau berkata, walaupun orang ramai menganggap bahasa Melayu mudah berbanding bahasa lain, tetapi baginya agak sukar terutama untuk bercakap.

Sebastien antara 16 pelajar dari Institute Nasional des Langues et Civilisations Oreintalis (Inalco), Paris dan pelajar jurusan Pengajian Bahasa Melayu, Tokyo University of Foreign Study (TUFS), Tokyo Jepun yang mengikuti program lawatan sambil belajar selama dua minggu di Malaysia.

Sebastien yang sebelum ini mempelajari bahasa Indonesia di universitinya berkata, orang Melayu berlainan dengan orang Perancis, selain budaya Melayu begitu baik sekali.

Rie Ishibashi, 20, dari TUFS pula berkata, beliau memilih mempelajari bahasa Melayu kerana kagum dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang begitu dikenali termasuk di Jepun.

Selepas itu, beliau mengkaji Malaysia dan mendapati ia sebuah negara aman dan akhirnya memilih untuk mempelajari bahasa Melayu.

Anak kepada seorang pegawai insurans, Rie berkata, beliau tertarik dengan Malaysia terutama keramahan penduduknya tambahan pula mempunyai ibu angkatnya di Cherating, Pahang.

Katanya, beliau gembira jika dapat berkhidmat di Malaysia apabila tamat pengajian nanti untuk melancarkan lagi penggunaan bahasa Melayunya.

Kinuyo Asanuwa, 21, pula berkata, walaupun tidak ramai pelajar di universitinya mempelajari bahasa Melayu tetapi beliau tertarik kerana menyedari bahasa itu penting.

Selain bahasa, orang Melayu pula ramah dan ini memudahkan proses pembelajaran.

Anna Lempert, 20, pula berkata, bahasa Melayu agak asing kerana di universitinya mereka mempelajari bahasa Indonesia.

Beliau mengakui bahasa Melayu agak sukar terutama untuk berkomunikasi dengan berkesan.

Katanya, kemampuan mahir bahasa asing penting untuk menjadi wartawan, penterjemah dan jurubahasa di negaranya.

Selain mengikuti kursus penataran bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), mereka turut melawat Muzium Negara, bengkel kraftangan, Pasar Seni, Taman Rama-rama, Menara Kuala Lumpur dan Universiti Malaya.

Mereka juga berkunjung ke Pulau Pinang dan Perak dan turut melawat Kompleks Sejarah Pasir Salak.

(END)